

# KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

16 - 28 FEBRUARI, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow




PEMANDANGAN dari atas Jalan Berkembar, Jalan Paya Terubong yang telah dibuka kepada aliran trafik sejak 13 Januari lalu.

# JANJI DITEPATI

## Jalan Berkembar, Jalan Paya Terubong (Bukit Kukus) dibuka

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PAYA TERUBONG –** Projek Jalan Berkembar, Jalan Paya Terubong (Bukit Kukus) yang secara rasminya dibuka pada 13 Januari lalu merupakan projek kemudahan infrastruktur awam yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang demi kepentingan penduduk serta komuniti sekitar.

Pelaksanaan projek ini adalah dengan mengambil kira pembangunan pesat di kawasan berkaitan yang memerlukan sistem jalan raya lebih baik bagi menampung aliran trafik kawasan sekitar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pembinaan projek jalan sepanjang 3.825 kilometer (km) dan setinggi 61.5 meter (m) yang menelan belanja terbesar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjumlah RM378.2 juta berkaitan akhirnya dibuka kepada aliran trafik.

"Tempoh enam tahun perancangan dan juga pembinaan bukanlah satu tempoh yang mudah kerana sepanjang proses tersebut, Kerajaan Negeri berdepan dengan kritikan, kecaman dan lain-lain sehinggalah berjaya menyiapkan projek ikonik ini kini.

"Sebenarnya projek ini ada tiga bahagian, dua bahagian lagi ditanggung oleh pihak pemaju (PLB Land Sdn. Bhd. dan Geo Valley Sdn. Bhd.) kerana jajaran-jajaran tersebut perlu melalui tanah pembangunan masing-masing yang mana pihak PLB Land Sdn. Bhd. telah memulakan projek serta mencapai kemajuan kira-kira 20 peratus. Ini adalah di bawah tanggungan mereka (pemaju) dan ia dijadualkan siap pada tahun 2025.

"Dalam pada itu, bahagian terakhir adalah di bawah seliaan Geo Valley Sdn. Bhd. yang bakal memajukan tanah berkenaan dengan syarat mereka perlu menyambungkan laluan tersebut ke Lebuhraya Thean Teik yang telah dilebarkan oleh MBPP sebelum ini," ujarnya sejurus merasmikan pembukaan Projek Pembinaan Jalan Berkembar, Jalan Paya Terubong di sini pada 13 Januari 2022.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari dan barisan ADUN Kerajaan Negeri.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. A. Rajendran dan Ahli-ahli Majlis MBPP turut hadir.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa Geo Valley Sdn. Bhd. masih tidak dapat memulakan projek terbabit ekoran menunggu beberapa kelulusan lanjut daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Sekiranya kes di Lembaga Rayuan telah selesai, Geo Valley (Sdn. Bhd.) turut komited untuk memulakan dan menyiapkannya pada tahun 2025.

"Latar belakang projek ini memang penuh rintangan dan cabaran, namun demi menangani kesesakan lalu lintas, maka terlaksanalah projek ini," ulasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Menjawab soalan pemberita mengenai bajet yang disifatkan agak besar bagi sesebuah PBT, Kon Yeow menyatakan bahawa perbelanjaan adalah dilaksanakan secara tahunan dan berperingkat.

Sementara itu, dalam sidang media sama, Rajendran turut mengulas mengenai isu keselamatan projek berkaitan yang sering dibangkitkan sebelum ini.

"Jalan ini direka mengikut piawaian *Malaysia Standard* (MS) yang mana kawalan had laju, radius selekoh, '*central island*', laluan jalan kaki, saliran perparitan dan lain-lain adalah diambil kira.

"Selain itu, projek ini juga memperoleh khidmat perundingan daripada syarikat berpengalaman membabitkan aspek reka bentuk di lebih 300 cerun dalam negara.

"Kami (MBPP) juga melantik pakar geologi untuk mengkaji cerun secara spesifik dan memberi saranan terhadap tahap keselamatan. Sebagai tambahan, dalam melengkapkan lagi aspek keselamatan, MBPP turut mendapatkan khidmat jurutera audit keselamatan bebas yang bertauliah," jelasnya.

Difahamkan, Jalan Berkembar, Jalan Paya Terubong (Bukit Kukus) merupakan jalan raya tertinggi dalam negara mengatasi *Rawang Bypass* sebanyak 2m.

# Peka, fahami fungsi dan bidang tugas masing-masing

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Dua muka baharu merupakan antara 24 Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang mengangkat sumpah serta ikrar terimaan jawatan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini.

Mereka ialah Ooh Sin Hwa daripada Pertubuhan Buddhist Bersatu Pulau Pinang dan Norhafiza Huda Idris (Persatuan Kemajuan Nusa Pulau Pinang) yang masing-masing dilantik selama setahun berkuat kuasa 1 Januari hingga 31 Disember 2022.

Turut hadir, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. A. Rajendran serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad.

Semasa berucap, Kon Yeow berharap agar semua Ahli Majlis dapat memahami fungsi serta bidang tugas masing-masing selain perlu sentiasa peka terhadap situasi semasa supaya sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan mengikut keperluan rakyat.

"Semua Ahli Majlis harus memberikan perhatian terperinci dan melakukan segala usaha untuk memastikan kemudahan-kemudahan bakal disediakan adalah memenuhi piawaian serta standard yang tinggi.

"Sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dan rakyat, Ahli Majlis juga perlu berperanan sebagai barisan hadapan dalam perundingan untuk menangani aduan awam dengan pantas," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada majlis berkaitan di sini 6 Januari lalu.



**KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama barisan pimpinan Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Majlis MBPP yang selesai mengangkat sumpah serta ikrar terimaan jawatan dekat Dewan Bandaraya di sini 6 Januari lalu.**

Tambah beliau, selain penularan pandemik COVID-19 yang menjejaskan banyak pihak, isu bencana alam dan perubahan iklim juga bakal menjadi cabaran baharu yang perlu ditangani oleh MBPP.

"Pada tahun-tahun akan datang, bandar raya kita akan berdepan lebih banyak cabaran seperti pelepasan gas rumah hijau, pencemaran serta tekanan pembandaran yang memerlukan pendekatan yang menyeluruh untuk menangani krisis iklim.

"Oleh yang demikian, MBPP perlu terus peka terhadap perubahan iklim dalam merancang serta mengawasi projek pembangunan dan pada masa sama, harus bersiap sedia sebagai salah satu agensi peneraju bertanggungjawab dalam pengurusan bencana seperti banjir, tanah runtuh serta pokok tumbang.

"Kerajaan Negeri berharap dengan berbekalkan segala pengalaman, pelan dan perancangan rapi, Pulau Pinang mampu mengendalikan pengurusan bencana dengan lebih cekap serta berkesan," ujarnya.

Dalam pada itu, Tung Seang berkata bahawa komitmen serta dedikasi warga MBPP termasuk Ahli-Ahli Majlis telah membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu menerima pelbagai pengiktirafan dan anugerah termasuk pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, antara anugerah yang berjaya diraih MBPP pada tahun 2021 termasuk *4th Wigo Award - Gold Award for Green Connectivity*; *Jean-Paul-L'Allier Proze for Heritage*; *National Scroll of Honour Award for Human Settlement*; Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang; Piala Inovasi Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dan Anugerah Asean Clean Tourist City Standard (ACTC).

"Semua pengiktirafan yang diterima ini membuktikan bahawa MBPP sedang berada di landasan tepat terutamanya dalam memberi fokus dan tumpuan utama bagi mewujudkan sebuah bandar raya rendah karbon yang mampan serta berdaya saing.

"Pengiktirafan ini juga menjadi dorongan kepada MBPP untuk terus memperkasa dan mempergiatkan lagi pelaksanaan Agenda Hijau," ujarnya.

Mengulas lanjut, Tung Seang menyatakan bahawa mengambil iktibar daripada pelbagai bencana yang melanda dunia termasuk kejadian banjir besar di beberapa negeri baru-baru ini, MBPP akan terus memperkasakan hala tuju ke arah bandar raya pintar, berdaya huni dan gembira melalui perancangan pembangunan mampan.

"MBPP amat komited dalam pelaksanaan inisiatif hijau yang berimpak tinggi selaras dengan usaha digariskan *National Determined Contributions* (NDC) untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau bagi mengurangkan jejak karbon serta melambatkan impak perubahan iklim," ulasnya.



**OOH SIN HWA**, 37, ketika ditemui Buletin Mutiara menzahirkan penghargaan kepada seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas pelantikan tersebut.

"Pelantikan ini membuka lembaran baru bagi masyarakat Siam Bumiputera di Pulau Pinang kerana ia merupakan kali pertama seorang warganegara berketurunan Siam dilantik sebagai Ahli Majlis sejak Pulau Pinang diisytihar bandar raya pada Januari 2015.

"Bukan itu sahaja, pelantikan ini juga memberi ruang kepada suara masyarakat minoriti di Pulau Pinang dan menggambarkan bahawa Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang inklusif," katanya yang merupakan pemilik kilang pemprosesan sarang burung.

Ditanya mengenai perancangannya, Sin Hwa berkata bahawa beliau akan berusaha membantu MBPP untuk meningkatkan hasil PBT berkenaan pada masa akan datang.

"Semasa penularan pandemik COVID-19, MBPP telah memberikan banyak bantuan kewangan kepada peniaga kecil, penjaja, pekerja serta majikan.

"Oleh itu, saya rasa amat penting untuk membantu MBPP meningkatkan semula hasil supaya Majlis mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat," jelasnya.



**NORHAFIZA HUDA IDRIS**, 34, berkata beliau bakal memberikan tiga tumpuan utama iaitu mengurangkan kemiskinan, pemerkasaan golongan belia melalui penganjuran pelbagai bengkel dan latihan serta memperjuangkan kesaksamaan gender.

"Saya akan cuba sebaik mungkin untuk menyumbang kepada komuniti dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang," jelasnya.

# Kekalkan MBSP organisasi mesra pelaburan dan perniagaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** - Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) harus terus kekal sebagai organisasi kerajaan yang mesra perniagaan demi menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan langsung asing (FDI) memilih Batu Kawan sebagai destinasi pelaburan masa depan mereka.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyampaikan amanat itu sebelum menyaksikan istiadat majlis ikrar dan mengangkat sumpah terimaan jawatan Dato' Azhar Arshad sebagai Datuk Bandar Seberang Perai yang baru serta kesemua 14 Ahli Majlis lain bagi tahun 2022.

"(Seberang Perai) akan menjadi pusat teras terpenting untuk pertumbuhan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) pada masa depan bagi negeri Pulau Pinang.

"Pada masa sama, lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dalam industri berteknologi akan berada di Batu Kawan dan menjadi tunjang pembangunan serta pertumbuhan ekonomi untuk negeri kita.

"Justeru, MBSP harus kekal sebagai organisasi yang mesra perniagaan dan terus menambah baik mutu penyampaian termasuk menaik taraf infrastruktur dan mobiliti," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam majlis berkaitan di sini pada 7 Januari 2021.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut berharap MBSP dapat terus meningkatkan budaya profesionalisme dengan bertindak pantas terhadap aduan-aduan yang dibangkitkan oleh penduduk lokal.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang berucap sebelum itu turut merakamkan penghargaan kepada mantan Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud yang telah berkhidmat dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sejak tahun 1990.

"Beliau (Rozali) ada begitu banyak inspirasi untuk Seberang Perai, justeru, kita (MBSP) dapat meneruskan aspirasi dan objektif ini untuk Pulau Pinang," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Di samping itu, beliau turut berharap MBSP dapat mempercepatkan proses pelaksanaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) dan Rancangan Tempatan (Seberang Perai) yang berkaitan untuk memenuhi permintaan penduduk.

Sementara itu, Azhar menzahirkan penghargaan atas kepercayaan Pihak Berkuasa Negeri melantik beliau sebagai Datuk Bandar MBSP yang kedua.



**AZHAR Arshad (kanan) pada majlis ikrar dan mengangkat sumpah terimaan jawatan sebagai Datuk Bandar MBSP kedua di sini baru-baru ini.**

## Ahli Majlis MBSP baru dilantik



**K. Tharani**



**R.K. Delakan.**




**JEFFERY Koay Kai Chin.**



**AHMAD Tarmizi Jusoh.**

# Cepatkan projek RTB Sungai Pinang Fasa 3

**DATUK KERAMAT** – Susulan kejadian banjir di beberapa buah negeri baru-baru ini, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menggesa supaya projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang dipercepatkan.

Jagdeep pada sidang media yang diadakan di tapak projek berkaitan dekat sini memaklumkan bahawa Fasa 3 bagi projek RTB tersebut dipercayai bakal dijalankan menjelang bulan Jun 2022.

"Pelaksanaan Projek RTB Sungai Pinang Fasa 3 ini bakal memberi manfaat kepada kira-kira 150,000 penduduk di kawasan perlindungan banjir iaitu seluas 300 hektar… pelaksanaannya adalah menggunakan peruntukan RM150 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

"Di samping itu, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga telah memperuntukkan sebanyak RM81 juta bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini dan difahamkan bahawa sebanyak 82 projek masih berterusan kini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam sidang media sama, Jagdeep memaklumkan bahawa spesifikasi kerja-kerja fizikal bakal ditender tahun ini.

"Pelaksanaan kerja-kerja fizikal dirancang bermula pada bulan Jun 2022 dan dijangka siap menjelang bulan Jun 2026 jika tiada halangan.

"Kini, perunding sedang pada fasa terakhir untuk menyiapkan reka bentuk terperinci manakala pihak juruukur Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang dalam proses membuat penandaan rizab di sepanjang Sungai Pinang bermula dari jambatan Jalan Patani sehingga ke jambatan Jalan Air Itam/Dato Keramat," jelasnya.

ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. A. Rajendran antara yang turut hadir pada sesi lawatan pada 4 Januari lalu.

Dalam pada itu, Rajendran memberitahu bahawa Projek RTB Sungai Pinang berjalan mengikut perancangan dan pihaknya tidak akan berlengah untuk mengambil tindakan bagi mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang.



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) bersama-sama wakil berkaitan pada sesi lawatan ke salah satu tapak projek RTB Sungai Pinang di sini baru-baru ini.**

# Jalan Pintasan Air Itam - Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu jangka siap 2025

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**AIR ITAM –** Pembinaan jajaran Pakej 2 jalan pintasan yang menghubungkan Lebuhraya Thean Teik di Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu adalah berjalan mengikut jadual dan dijangka siap pada akhir Januari 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sehingga 30 November 2021, kerja-kerja pembinaan jalan pintasan sepanjang 6 kilometer (km) itu telah mencapai kemajuan sebanyak lapan peratus berbanding sasaran awal enam peratus.

"Jajaran ini dibahagikan kepada enam seksyen yang mana aktiviti pembinaan telahpun bermula melibatkan kerja-kerja menanam cerucuk yang akan bersambung ke jajaran utama Pakej 2.

"Seterusnya, kerja-kerja pengalihan utiliti dan pelebaran jalan akan dilaksanakan di kawasan Seksyen 1.

"Ciri-ciri jajaran ini adalah merangkumi 65 peratus seksyen jejambat *(elevated section)*, tiga seksyen terowong darat berkembar (20 peratus) iaitu dua di Seksyen 2 serta satu di Seksyen 3, dan selebihnya seksyen jalan biasa *(at-grade)*.

"Keputusan membina tiga seksyen terowong darat di sepanjang laluan ini dibuat selepas mengambil kira keadaan bentuk muka bumi bagi mengelakkan aktiviti pemotongan bukit yang boleh mendatangkan kerosakan kepada alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak penyimpanan jentera bagi projek berkenaan dekat Bukit Gambir di sini 7 Januari lalu.

Turut hadir, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif yang juga Ahlid Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; wakil-wakil Kerajaan Negeri; Pengarah Projek Pakej 2 (Interim), Datuk Ir. Yeoh Lean Huat dan wakil pihak Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC).

Tambah Kon Yeow, pelaksanaan jajaran Pakej 2 berdepan cabaran kerana melibatkan isu pengambilan tanah termasuk tanah milik persendirian, Kerajaan Negeri, pertubuhan dan agensi Persekutuan.

"Jadi setiap inci tanah yang terlibat dalam jajaran ini perlu diuruskan sama ada melalui Akta Pengambilan Tanah (1960) dan membayar pampasan yang mana sebahagian besarnya telahpun dilakukan.

"Bagi tanah milik Kerajaan Negeri, ia tidak mempunyai sebarang masalah tetapi sekiranya membabitkan tanah-tanah milik Persekutuan, kita perlu mendapat kelulusan daripada agensi berkaitan," jelasnya.

Beliau berkata, sebahagian daripada jajaran Pakej 2 akan melibatkan kerja-kerja reka bentuk alternatif untuk penambahbaikan dari segi keselamatan awam, kesan kepada alam sekitar dan kebolehlaksanaan pembinaan.

"Kontraktor reka bentuk serta binaan yang dilantik sedang memuktamadkan reka bentuk alternatif yang berkaitan dan akan disahkan oleh Syraikat Perunding Teknikal Bebas lantikan Kerajaan Negeri," ujarnya.

Jelas beliau lagi, seperti mana dilaporkan secara meluas oleh pihak media, pengambilan syer majoriti CZC kini adalah oleh Syarikat ECK Development Sdn. Bhd. bermula Januari 2021.

"Lanjutan itu, pihak pengurusan yang baharu telah mempergiatkan kerja-kerja reka bentuk terperinci, penyediaan pelan pengambilan balik tanah, kelulusan pihak berkuasa dan pelaksanaan pembinaan," ulasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa projek Pakej 2 akan diserahkan secara rasmi kepada pihak Kementerian Kerja Raya apabila siap kelak.

"Setelah projek ini siap, jajaran Pakej 2 yang merupakan pintasan bebas tol akan memberikan kelebihan kepada orang awam dari segi pengurangan masa perjalanan iaitu dianggarkan dari 40 minit kepada 5 minit sahaja.

"Selain itu, ia juga akan menjana peluang pekerjaan semasa dan selepas fasa pembinaan serta penggunaan kaedah reka bentuk yang lebih mesra alam," ujarnya lagi.

Jajaran Pakej 2 merupakan salah satu komponen Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dengan kos sebanyak RM851 juta.




**KETUA Menteri bersama-sama Zairil Khir Johari (kiri sekali) dan Yeoh Soon Hin (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke tapak penyimpanan jentera bagi projek berkenaan dekat Bukit Gambir di sini baru-baru ini.**

Di bawah Pakej 2 tersebut, terdapat empat persimpangan iaitu di Lebuhraya Thean Teik, Jalan Bukit Gambir, Jalan Sultan Azlan Shah dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

Sebagai rekod, projek berkenaan ditawarkan kepada CZC pada tahun 2013 melalui proses tender terbuka yang mana perjanjian awal telah dimeterai bagi membolehkan pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Projek serta Reka Bentuk Terperinci projek berkaitan.

Lanjutan itu, kelulusan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) Jadual Kedua telah diperoleh daripada Jabatan Alam Sekitar pada 7 November 2017.

Keseluruhan, projek berkaitan sebahagiannya melibatkan tiga pakej jajaran bebas tol iaitu Pakej 1 melibatkan jajaran dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang; Pakej 2 dari Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Pakej 3 dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# BKIP tarik fasiliti Iconic Medicare RM200 juta

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BUKIT TAMBUN –** Iconic Worldwide Berhad (Iconic) melakar sejarah apabila berjaya membuka fasiliti pembuatan sarung tangan dan pelitup muka yang baharu bernilai RM200 juta di Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) di sini.

Pembukaan fasiliti yang dikenali sebagai Iconic Medicare Sdn. Bhd. berkaitan disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 15 Januari 2022.

Dibangunkan di atas tanah seluas 5.5 ekar, fasiliti terbaharu Iconic Medicare Sdn. Bhd. berkaitan bakal menjadi antara pengeluar sarung tangan terbesar dan dijangka menghasilkan sebanyak 3.3 bilion keping sarung tangan dan 220 juta keping pelitup muka pakai buang dalam tempoh setahun.

Ketika berucap, Kon Yeow menzahirkan ucapan tahniah kepada Iconic kerana berjaya membuka fasiliti pembuatan baharu kurang sebulan selepas memperoleh kelulusan untuk mengedarkan sarung tangan gred perubatan buatannya ke seluruh Amerika Syarikat.

"Saya dimaklumkan bahawa fasiliti ini akan menggunakan teknologi berautomasi tinggi hingga mencecah 80 peratus sekali gus dapat meminimumkan kos operasi dan kebergantungan terhadap tenaga kerja seperti sebelum ini.



**KETUA Menteri sambil diiringi James Tan Cho Chia (kiri sekali) meneliti proses pembuatan sarung tangan sejurus menyempurnakan pembukaan fasiliti terbaharu Iconic Medicare Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.**

"Saya sentiasa percaya bahawa penggunaan teknologi adalah kunci untuk kekal berdaya saing dalam rantaian nilai industri dan kita perlu terus menerokainya," ujarnya yang juga merupakan Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi.

Mengulas mengenai pencapaian Pulau Pinang selama 50 tahun dalam perindustrian, Kon Yeow yakin keupayaan ekosistem perindustrian di negeri ini.

"Pulau Pinang kini menjadi tumpuan syarikat-syarikat teknologi perubatan sama ada dari dalam negara mahupun Asia Tenggara yang mana lebih 50 syarikat pembuatan peranti perubatan bertapak di negeri ini kini.

"(Perkembangan ini), seiring dengan perjalanan perindustrian Pulau Pinang selama 50 tahun, dan akan terus memainkan peranannya demi mengekalkan kemampanan ekonomi dan rantaian bekalan global.

"(Dan) dalam kes Iconic, BKIP dipilih kerana ketersediaan infrastruktur yang ada di sini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Iconic, James Tan Cho Chia ketika menyampaikan ucapan alu-aluan menyatakan bahawa pada 14 Disember 2021, Iconic telah berjaya mendapatkan kelulusan pemberitahuan prapasaran 510(K) daripada Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat.

"Istilah 510(K) adalah penyerahan prapasaran yang disyaratkan oleh FDA sebagai pengesahan bahawa produk yang akan dipasarkan selamat dan berkesan.

"(Dan) pada suku ketiga serta keempat tahun kewangan semasa, Iconic akan menghantar kira-kira 500 juta keping sarung tangan jenis nitril ke Amerika Syarikat, Eropah, Africa, Timur Tengah dan Asia Tenggara," ulasnya.

Difahamkan, fasiliti terbaharu itu menggunakan enam barisan bekas celupan sarung tangan berganda dan menjelang Mac 2022, sejumlah 12 barisan bekas celupan serta 20 barisan pengeluaran pelitup muka gred perubatan akan dipasang dan digunakan dalam penghasilan harian.

Dalam perkembangan berkaitan, bagi melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) Iconic, Cho Chia memberitahu bahawa pihaknya telah menyumbang sebanyak 100,000 keping pelitup muka dan sarung tangan gred perubatan (100,000) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk diagihkan kepada keluarga serta individu yang terjejas akibat banjir di beberapa negeri awal tahun ini.

## Micron labur RM1 juta sokong R&D, projek usaha sama universiti tempatan

**GEORGE TOWN –** Micron Malaysia (Micron) baru-baru ini mengumumkan pelaburan sebanyak RM1 juta bagi memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta projek usaha sama dengan universiti tempatan bagi tempoh lima tahun akan datang.

Naib Presiden Korporat dan Pengurusan Micron, Amarjit Singh Sandhu berkata bahawa pelaburan tersebut juga bakal meningkatkan keupayaan tenaga kerja tempatan terutamanya dalam bidang semikonduktor, pembuatan pintar dan kecerdasan buatan.

Menurut beliau, sejak 2018, Micron telah mengembangkan operasi pembuatan di negeri ini dan Malaysia sememangnya penting terutamanya dalam menubuhkan Pusat Kecemerlangan Pemasangan dan Ujian Perangkat Penyimpan Data *(Solid State Drive, SSD)* bagi memenuhi permintaan pada peringkat global.

"Kami (Micron) bercadang untuk mengembangkan lagi operasi dan mengambil lebih ramai pelajar kejuruteraan teknikal pada tahun-tahun mendatang untuk menyokong pertumbuhan kami di Malaysia.

"(Dan) kami meramalkan peluang untuk mempercepat tahap pertumbuhan seterusnya memenuhi permintaan pasaran global yang semakin meningkat bagi produk perangkat penyimpan data atau storan," ujarnya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Micron dan Universiti Sains Malaysia (USM) di sini pada 7 Januari 2022.




**KETUA Menteri menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Micron dan USM yang diadakan secara maya di sini baru-baru ini.**

Pada majlis tersebut, Amarjit mewakili Micron manakala Naib Canselor Datuk Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan mewakili USM sebagai rakan universiti pertama di negara ini yang menerima dana daripada Micron.

Majlis tersebut turut disaksikan secara virtual oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Arham Abdul Rahman dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Penggalakan dan Fasilitasi Pelaburan Micron, Sivasuriyamoorthy Sundara Raja.

Mengulas lanjut, Amarjit menyatakan bahawa pembinaan fasiliti kedua Micron di Taman Perindustrian Batu Kawan dijangka siap menjelang akhir tahun ini dan Micron turut mempunyai dua fasiliti lain iaitu di Kawasan Perindustrian Prai dan di Tanjung Agas, Muar di Johor.

Sementara itu, Faisal Rafiq memaklumkan bahawa pihak USM sangat berbesar hati menerima dana tajaan daripada Micron dan berharap dapat bekerjasama untuk jangka masa panjang.

"Diharapkan dana ini akan membantu meningkatkan daya inovasi serta memberi pendedahan kepada pelajar mengenai industri pembuatan di negara ini," katanya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memuji Micron atas komitmen terhadap pembangunan bakat tempatan dengan menjalinkan usaha sama dengan universiti tempatan melalui dana RM1 juta.

"Saya masih ingat semasa lawatan pertama ke fasiliti Micron di Perai yang mana saya menggunakan perkataan *'impactful'* atau impak yang ketara untuk menggambarkan Micron.

"Banyak yang saya pelajari semasa lawatan tersebut bahawa dunia kini bergantung kepada storan data serta memori dan kepakaran serta peranan Micron dalam teknologi ini amat penting.

"Pulau Pinang memerlukan rakan kongsi seperti Micron, disokong oleh rangkaian rantaian bekalan pemain tempatan yang kompeten untuk kekal berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

"Saya harap lebih banyak kerjasama serta inisiatif berimpak dan bernilai tinggi daripada Micron kepada rakyat di negeri ini pada masa hadapan bagi membolehkan Pulau Pinang muncul sebagai hab pembuatan yang berdaya saing dan berdaya tahan di rantau ini," ulasnya.

Sebagai rekod, MIDA melaporkan bahawa sektor elektrikal dan elektronik (E&E) menyumbang sebanyak RM120 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan menjana pendapatan eksport sebanyak RM495 bilion menjelang 2024 sekali gus bakal menjadi pemangkin dalam mewujudkan 22,000 peluang pekerjaan baharu yang berpendapatan tinggi.



# JAMBATAN KANOPI - pemuliharaan berasas

**PERTAMA DI MALAYSIA...** Projek Langur Pulau Pinang (LPP) komited merealisasikan inisiatif yang mengetengahkan konsep keselamatan haiwan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya khususnya di kawasan Teluk Bahang.

Ketua Projek LPP, **YAP JO LEAN** berkata bahawa adalah sesuatu yang menakutkan apabila melihat hidupan liar melintas jalan secara semberono demi kelangsungan hidup.

"Sepanjang tempoh enam bulan membuat kajian dan pemerhatian, sebanyak tujuh kemalangan jalan raya telah berlaku melibatkan spesies lutung (langur) hitam.

"Di samping itu, saya juga turut mengekori seekor langur hitam yang dinamakan 'Ah Lai' yang mana keluarganya telah keluar dari hutan dan kemudian melintas jalas untuk mencari makanan," ujarnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** ketika ditemui sempena wawancara khas dekat *Tropical Spice Garden*, Teluk Bahang pada 12 Januari 2022.

Mengulas lanjut, Jo Lean menjelaskan bahawa pemasangan jambatan kanopi yang terletak 200 meter (m) dari *Tropical Spice Garden* dinamakan sebagai *'Ah Lai's Crossing'*.

"Jambatan ini direka khas bukan sahaja untuk kegunaan haiwan seperti lutung dan tupai, malah juga sesuai untuk digunakan oleh spesies reptilia serta amfibia.

"Selain itu, jambatan tersebut dipasang menggunakan hos api kerana mempunyai ketahanan yang tinggi dan melibatkan penyelenggaraan yang rendah," jelasnya yang meminati penyelidikan alam sekitar sejak awal usia.

Dalam pada itu, Jo Lean memberitahu bahawa jambatan itu disambungkan dari sebuah pokok ke tiang buatan yang bertentangan iaitu sepanjang 12.5m.

"Jambatan ini turut dilengkapi dengan perangkap kamera di puncak tiang untuk merakam serta menangkap lintas langsung hidupan liar yang melintas.

"Menjelang bulan Ogos hingga Mei 2021, sebanyak 1,372 foto dan video hidupan liar berjaya dirakam melalui kamera perangkap canggih yang turut dilengkapi sistem pengecas yang menggunakan tenaga solar.

"Kamera perangkap tersebut turut dilengkapi bateri yang boleh dicas semula dan kad memori untuk menyimpan foto dan video dirakam," ujarnya lagi sambil menyatakan bahawa beliau sendiri telah memanjat sehingga ke puncak setinggi 40 kaki untuk menukar bateri serta kad memori pada setiap tempoh dua bulan.

Di kesempatan itu juga, pasukan Buletin Mutiara berpeluang menyaksikan proses penukaran dan pemasangan kamera perangkap yang dilakukan sendiri oleh Jo Lean.

"Prototaip jambatan pertama dibina pada 28 Februari 2019 dan dibantu oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, CSG Chin Soon Trading dan THB Maintenance Sdn. Bhd. untuk konsesi jalan Persekutuan.

"Di samping itu, prototaip jambatan kedua pula dibina pada 19 Ogos 2020, dan sebanyak 1,399 lintasan hidupan liar telah diperhatikan dari bulan Ogos 2020 hingga Mei 2021 termasuk 1,372 tupai pisang, kera ekor panjang (12) dan lutung hitam (15)," ulasnya.



YAP Jo Lean.


ERIC Thoo.


TEO Hoon Cheng.


ANTARA fauna lain yang berjaya dirakam melintasi jambatan kanopi dipasang.

# 'AH LAI'S CROSSING'

## kesedaran komuniti



JAMBATAN kanopi, *'Ah Lai's Crossing'.*



ANTARA foto rakaman 'Ah Lai' yang berjaya dirakam.

Tambah Jo Lean, idea untuk menjalankan penyelidikan mengenai lutung hitam tercetus apabila beliau mendapati kajian mengenai spesies berkaitan tidak banyak dijalankan di negara ini.

"Ini membuatkan saya mengambil keputusan untuk memfokuskan kajian mengenai lutung hitam dalam menghabiskan tesis Ijazah Kedoktoran (PhD).

"Projek penyelidikan dan pemuliharaan yang dijalankan adalah di bawah naungan *Malaysian Primatological Society* (MPS) yang berpangkalan di Universiti Sains Malaysia (USM).

"LPP ditubuhkan untuk memupuk kewujudan sesama manusia dan hidupan liar melalui tindakan pemuliharaan yang berasaskan kesedaran komuniti serta kepentingan alam sekitar.

"Tidak dinafikan bahawa LPP merupakan usaha sebuah pasukan untuk mengkaji ekologi serta tingkah laku monyet khususnya spesies lutung hitam," katanya sambil menekankan bahawa projek yang dijalankan mendapat sokongan penuh dari penyelianya, Dr. Nadine Ruppert.

Turut hadir pada sesi wawancara tersebut adalah Jurulatih Alam Sekitar, Teo Hoon Cheng; Eksekutif Projek, Lee Khai Xian dan Eric Thoo selaku jurukomunikasi.

Mengakhiri sesi temu ramah, Jo Lean memberitahu bahawa beliau mempunyai cita-cita tinggi untuk membina lebih banyak jambatan kanopi pada masa akan datang sekiranya mempunyai peruntukan mencukupi.

"LPP turut merancang untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan berbeza, dan pada masa sama dapat mengumpul dana bukan sahaja di sini, malah hingga ke peringkat antarabangsa.

"Dalam pada itu, LPP juga menyediakan perkhidmatan seperti pendidikan alam sekitar serta sesi konsultasi untuk memperkenalkan lagi projek kami," jelasnya lanjut.

Di samping itu, LPP turut mencari sukarelawan dan mengambil pelajar untuk menjalani latihan praktikal, jika berminat sila hubungi Eric Thoo melalui *comm@langurprojectpenang.com.*

Untuk makluman lanjut mengenai LPP, sila layari laman web *www.langurprojectpenang.com* atau lawati media sosial di laman *Facebook Langur Project Penang*, *Instagram @langurprojectpenang* dan *Twitter @LangurPenang*.



RUTIN Yap Jo Lean pada setiap dua bulan untuk menukar bateri dan kad memori baru di jambatan kanopi.




ALAT rakaman dan pita yang digunakan.

# BORIA

## seni warisan



**MINAT** yang mendalam terhadap persembahan boria sejak di bangku sekolah rendah membuatkan **OMAR MD. HASHIM**, 67, mengambil keputusan untuk terus bergiat aktif dalam bidang seni itu sehingga kini.

Ekoran minat dan kecintaan terhadap seni warisan Pulau Pinang itu jugalah telah melayakkan beliau menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat daripada *George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)* bagi tahun 2020.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam majlis yang diadakan pada 3 Januari 2022.

Memulakan bicara, Omar memberitahu bahawa beliau bukan sahaja terlibat secara serius dalam persembahan boria menerusi kumpulan Boria Omara, malah turut bergiat aktif dalam seni ghazal parti.

Ghazal parti merupakan sebuah persembahan yang menggabungkan muzik, lagu, lawak serta tarian dan terkenal di utara Semenanjung terutamanya di negeri Pulau Pinang.

"Sebenarnya, saya memperoleh tiga anugerah daripada GTWHI bagi tahun 2020 iaitu Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat, anugerah seni warisan untuk ghazal parti serta anugerah seni warisan untuk boria.

"Semua anugerah yang diterima ini secara tidak langsung telah meningkatkan lagi semangat saya untuk memperjuangkan seni warisan boria di negeri ini," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** serta **ALISSALA THIAN** ketika ditemui semasa wawancara khas dekat Komtar pada 13 Januari lalu.

### Minat terhadap boria

Omar berkata, minat terhadap seni boria tercetus sejak beliau berumur 11 tahun selepas sering kali menyaksikan persembahan seni warisan itu di kawasan berhampiran rumahnya dekat Butterworth.

"Saya minat boria sejak sekolah rendah dan selalu buat persembahan di majlis sekolah dan pada ketika itu, saya kumpul kawan-kawan yang berminat seramai kira-kira 15 hingga 20 orang dan menubuhkan kumpulan sendiri.

"Apabila persembahan kami mendapat sambutan, dari situ datang semangat dan alhamdulillah, semangat itu ada sampai sekarang.

"Kumpulan saya banyak masuk pertandingan dan menang, itulah kenangan paling manis dalam hidup saya," ceritanya.

Tidak terhenti di situ kata Omar, beliau kemudiannya meneruskan persembahan boria sehingga ke peringkat sekolah menengah dan pernah menyertai pertandingan di peringkat negeri pada suatu ketika dahulu.

"Selepas tamat sekolah menengah, saya menyertai persatuan-persatuan seni sehinggalah saya diberikan tanggungjawab untuk mengetuai pasukan persembahan boria.

"Walau bagaimanapun, pada tahun 1970-an saya terpaksa memperlahankan sedikit aktiviti persembahan boria kerana bekerja sebagai wartawan sambilan di Kuala Lumpur.

"Selepas pulang ke Pulau Pinang pada awal 1990-an, barulah saya mula aktif kembali dalam persembahan seni boria sehingga sekarang," katanya sambil menambah bahawa kini beliau sedang merakam sebuah rancangan berkaitan persembahan boria untuk Radio Televisyen Malaysia (RTM).

### Menubuhkan Boria Omara

Bercerita lanjut, Omar memberitahu bahawa pada awal pembabitannya dalam persembahan boria beliau telah menubuhkan banyak kumpulan dengan pelbagai nama.

Namun katanya, sejak 15 tahun lalu, beliau telah menubuhkan kumpulan Boria Omara yang dikenali ramai sehingga kini.

"Lebih ratusan lagu telah kami hasilkan, dan kami juga pernah menerbitkan sebuah album yang mengandungi 14 lagu pada tahun 2016 yang mana semua lagu merupakan ciptaan sepenuhnya oleh Boria Omara.

"Selain beberapa rancangan televisyen, persembahan paling besar kami pernah terlibat adalah semasa Bandaraya George Town dan Melaka diisytihar sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2008 dekat Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

"Pada masa itu, kami membuat persembahan di hadapan Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Perdana Menteri dan barisan jemaah menteri.

"Selain itu, kami juga diberi peluang mengadakan persembahan dalam acara



**MERAKAM gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri selepas majlis penyampaian Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat anjuran GTWHI di sini baru-baru ini.**



**OMAR Md. Hashim.**



# perlu dipertahankan



perasmian Asia-Pacific Masters Games (APMG) Pulau Pinang pada tahun 2018 dekat Stadium Bandaraya yang turut disiarkan di kaca televisyen," jelasnya lanjut.

Beliau berkata, kumpulan Boria Omara turut mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* bagi penulisan rangkap karangan boria yang teramai iaitu melibatkan seramai 4,150 pemain.

## Cabaran pandemik

Penularan pandemik COVID-19 pada awal tahun 2020 telah menyebabkan banyak pihak terpaksa menangguhkan beberapa aktiviti mereka terutamanya yang memerlukan bergerak secara berkumpulan.

Kumpulan Boria Omara juga tidak terkecuali daripada berdepan cabaran dalam tempoh itu lebih-lebih lagi selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 yang menyebabkan pelbagai aktiviti terpaksa dihentikan.

Menurut Omar, perkara pertama yang dirisaukan ketika bermulanya pandemik COVID-19 adalah semangat dalam kalangan kumpulannya luntur apabila tiada undangan persembahan pentas seperti sebelumnya.

"Apabila negara dilanda pandemik dan disusuli pelaksanaan PKP, kumpulan kami langsung tiada undangan persembahan pentas.

"Pada mulanya, termenung juga namun saya bangkit selepas memikirkan seni boria ini harus diteruskan yang mana saya mula memikirkan pelbagai alternatif baru untuk membolehkan seni boria dapat terus dipersembahkan kepada masyarakat.

"Perkara paling saya bimbang adalah semangat 20 ahli yang terdiri daripada anak muda berusia lingkungan 13 hingga 25 tahun ini luntur kerana kami langsung tiada jemputan persembahan pentas.

"Namun, saya berkata kepada diri sendiri bahawa saya perlu buat sesuatu agar seni boria ini kekal 'hidup' walaupun apa juga cabarannya selain terus memberikan semangat kepada ahli kumpulan agar jangan sesekali berputus asa," ceritanya lanjut.

Justeru katanya, beliau mula mencari alternatif lain untuk terus memartabatkan seni boria kepada peminat terutamanya golongan muda antaranya melalui media sosial.

"Saya mencari jalan agar seni boria ini kekal 'hidup' kerana percaya peminat seni ini masih ada.

"Oleh itu, saya telah memuat naik persembahan Kumpulan Boria Omara di media sosial antaranya *Facebook*, *Instagram*, *blog Omara TV Dok Mai* dan *YouTube* Omar Hashim Omara.

"Sambutan yang diterima amat memberangsangkan apabila jumlah penonton yang melayari kesemua platform di media sosial bertambah," katanya.

Pernah bekerja di sebuah syarikat telekomunikasi selama 18 tahun di ibu kota, Omar berkata bahawa selain memuat naik video persembahan boria, beliau juga menggunakan cara dalam talian untuk berbincang serta berlatih dengan ahli kumpulannya.

"Sepanjang hampir dua tahun pandemik melanda, memang kumpulan kami tidak dapat berjumpa secara bersemuka untuk sesi latihan dan kami hanya berlatih melalui dalam talian sahaja.

"Saya sendiri selaku ketua kumpulan akan mengarang lagu, pantun-pantun baharu untuk diberikan kepada ahli agar mereka dapat berlatih walaupun bukan secara bersemuka.

"Cara tersebut membuatkan ahli kumpulan kami sentiasa bersemangat dan tidak putus asa sehingga hari ini dalam memperjuangkan seni boria," ulasnya.

## Masa depan boria

Ditanya apakah harapan beliau terhadap masa depan persembahan boria khususnya di Pulau Pinang, Omar menyatakan bahawa beliau yakin seni warisan berkaitan tidak akan 'mati' sekiranya ahli kumpulan aktif mendedahkan masyarakat mengenai seni budaya itu menerusi media sosial.

"Harapan saya adalah untuk melihat boria kekal sebagai seni negeri Pulau Pinang dan akan terus diwarisi oleh generasi akan datang kerana kita tidak mahu ia hanya dijadikan simpanan di muzium atau internet sahaja.

"Oleh itu, saya berharap agar pihak-pihak berkaitan seperti Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Pulau Pinang (JKKNPP), Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Warisan Negara dapat terus mempromosikan persembahan boria kepada masyarakat.

"Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga perlu memainkan peranan untuk memperkenalkan seni warisan ini di peringkat sekolah kerana masih ada murid-murid yang tidak tahu apa itu boria," ujarnya penuh harapan.

Pada masa sama, beliau menyeru kepada generasi muda hari ini untuk terus pertahankan boria supaya seni warisan tersebut tidak hilang dari bumi Pulau Mutiara khasnya dan dunia amnya.

"Jangan sampai suatu hari nanti boria hanya boleh didapati di muzium atau internet sahaja.

"Apa yang kita mahu adalah seni warisan ini diteruskan melalui persembahan nyata.

"Jadi, saya minta kepada masyarakat terutamanya golongan remaja agar terus memberikan kerjasama untuk pertahankan budaya dan warisan kita ini.

"Bersama-samalah kita menaikkan kembali seni budaya ini terutamanya di negeri Pulau Pinang," ujarnya mengakhiri bicara.

Bagi yang berminat untuk menyertai boria boleh hubungi Omar Md. Hashim di talian 017 - 443 0091 atau layari laman *Facebook* (Omar Hashim atau Omara Omar Hashim); OmaraTV Dok Mai; saluran *Youtube* (Omar Hashim Omara) serta *Instagram* (Omara.OmarHashim).



